

KHUTBAH JUMAAT: WADAH PENYAMPAI WAWASAN NEGARA

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الحمد لله رب العالمين ، وبه نستعين على أمور الدنيا والدين . والصلاة والسلام على أشرف
الأنبياء والمرسلين سيدنا محمد وعلى آله وصحبه أجمعين ، وبعد .

Sembahyang Jumaat merupakan suatu kewajipan yang penuh hikmah kepada umat Islam. Umat Islam tanpa mengira kedudukan dan pangkat akan berhimpun di masjid-masjid untuk menunaikannya. Khutbah pula merupakan perkara yang tidak dapat dipisahkan dari Sembahyang Jumaat. Khutbah disebut sebagai salah satu dari *faraidh al-Jumu'ah* (perkara fardhu dalam sembahyang Jumaat). Tanpa khutbah kesahan sembahyang Jumaat akan terjejas.

Tajuk yang diberikan kepada saya seperti yang tersebut di atas adalah menjurus kepada bidang khusus iaitu pembuatan khutbah. Dalam Seminar Institusi Masjid yang kita adakan ini, dengan tema “Masjid Wadah Kepimpinan Raja”, saya berpendapat tajuk ini sesuai dibincangkan sebagai percambahan pemikiran untuk menghasilkan idea-idea yang membina. Apatah lagi, sebagaimana yang saya maklum, seminar ini bersifat “academic exercise”.

Memandangkan masa yang diberikan untuk menyediakan kertas kerja ini agak singkat, maka perbincangan yang akan dibentangkan dalam kertas kerja ini difokuskan kepada isu bagaimana masjid berperanan menjadi jalan penghubung antara pemerintah dengan orang ramai melalui khutbah Jumaat.

Menurut catatan sejarah di zaman Rasulullah *Sallallahu 'alaihi wasallam* dan para sahabat, masjid menjadi pusat perkembangan aktiviti masyarakat Islam dan nadi penarik minat masyarakat terhadap ajaran Allah *Subhanahu wa Ta'ala* dan pembentukan ummah.

Definisi Khutbah

Menurut bahasa (Arab) khutbah itu ialah ucapan yang bukan berupa syair (al-kalam al-mantsur) ditujukan kepada himpunan orang untuk mememuaskan hati mereka (penjelasan).

Al-Mausu'ah al-Fiqhiyyah, juz ke 19, keluaran Wizarah al-Awqaf wa asy-Syu'un al-Islamiyyah, Kuwait, mendefinisikan khutbah itu menurut istilah ialah ucapan yang disusun mengandungi nasihat (wa'zhun) dan penjelasan secara khusus.

Jenis Khutbah

Dalam Islam khutbah yang disyariatkan itu ialah Khutbah Jumaat, Khutbah Dua Hari Raya, Khutbah Gerhana Bulan, Khutbah Gerhana Matahari, Khutbah Istisqa', Khutbah Haji (Hari arafah). Khutbah-khutbah ini disampaikan selepas sembahyang melainkan Khutbah Jumaat dan Khutbah Hari Arafah. Termasuk juga khutbah yang disyariatkan itu ialah Khutbah Nikah.

Khutbah Jumaat

Khutbah Jumaat ialah khutbah yang disampaikan sebelum mendirikan sembahyang fardhu Jumaat. Khutbah Jumaat itu ada dua bahagian sebagaimana yang disebutkan dalam hadis yang diriwayatkan daripada Ibn Umar *Radhiallahu 'anhuma*:

كَانَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَخُطُّ خُطْبَيْنِ يَقْعُدُ بَيْنَهُمَا - رواه

البخارى

Maksudnya: Bahawa Nabi Shallallahu 'alaihi wasallam berkhotbah dengan dua khutbah, baginda duduk antara keduanya.

(Hadis Riwayat al-Bukhari)

Dalam hadis yang lain pula menyebutkan:

أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَانَ يَخُطُّ خُطْبَتَيْنِ وَهُوَ قَائِمٌ
وَكَانَ يَفْصِلُ بَيْنَهُمَا بِجُلُوسٍ - رواه الدارمي

Maksudnya: *Bahawasanya Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam berkhotbah dua khutbah dalam keadaan baginda berdiri dan baginda memisahkan antara keduanya dengan duduk.*
(Hadis Riwayat ad-Darimi)

Menurut pendapat jumhur (majoriti) ulama, dua Khutbah pada hari Jumaat itu adalah menjadi syarat untuk tertunainya sembahyang Jumaat. Manakala menurut pendapat para ulama mazhab Hanafi, yang disyaratkan pada sembahyang Jumaat itu hanya satu khutbah sahaja. Manakala dua khutbah itu adalah sunat.

Syarat Dan Rukun Khutbah Jumaat

Khutbah Jumaat itu adalah suatu ibadah yang mempunyai syarat-syarat dan rukun-rukunnya yang tersendiri. Antara syarat-syarat khutbah itu ialah:

- i. Kedua khutbah itu dibaca dalam waktu zuhur.
- ii. Kedua khutbah itu dibaca sebelum menunaikan sembahyang Jumaat.
- iii. Khutbah itu didengar oleh ahli-ahli Jumaat.
- iv. Membaca khutbah dengan suara yang boleh didengar oleh pendengaran yang biasa.
- v. Berturut-turut rukun-rukunnya.

Manakala rukun-rukun kutbah itu ada lima perkara:

- i. Mengucap puji-pujian kepada Allah (hamdalah).
- ii. Bersalawat kepada Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam*.
- iii. Berwasiat (peringatan) supaya bertakwa kepada Allah.
- iv. Membaca ayat al-Qur'an
- v. Membaca doa untuk Kaum muslimin.

Tiga rukun pertama yang disebutkan di atas adalah rukun dalam kedua-dua khutbah pada menurut ulama salaf dan khalaf. Dalam kitab fathul Mu'in karangan Zainuddin al-Malibari *Rahimahullah*, sunat bagi khatib melakukan ketiga-tiga rukun tersebut mengikut tertib dan juga rukun-rukun yang kemudian daripadanya.

Manakala rukun ke empat adalah bermaksud membaca ayat al-Qur'an yang difahami maksudnya sama ada berupa hukum, kisah, janji kebajikan atau balasan seksa. Tidak memadai jika ayat yang dibaca itu tidak difahami maksudnya seperti ayat: *ثم عيسى* atau *ثم نظر*. Membaca ayat al-Qur'an itu adalah memadai pada salah satu khutbah sahaja. Dalam kitab al-Majmu' disebutkan bahawa disunatkan membaca ayat al-Qur'an itu ialah pada khutbah yang pertama.

Rukun kelima iaitu membaca doa untuk kaum muslimin dalam khutbah kedua. Doa yang dibaca adalah doa yang berkaitan dengan soal akhirat untuk sekalian orang yang mu'minin. Dalam kitab I'anat at-Thalibin disebutkan bahawa mengikut pegangan al-Azra'i *Rahimahullah*, wajib menyebut mu'minat dalam doa yang berkaitan dengan akhirat.

Mengikut asy-Syeikh Muhammad asy-Syarbini al-Khatib, doa itu dibaca dalam khutbah kedua kerana doa itu layak sebagai penutup. Menurutnya lagi tidak mengapa dalam doa berkenaan turut mendoakan Sultan secara khusus dan disunatkan mendoakan pemimpin-pemimpin umat Islam dari kalangan para sahabat. Sunat juga berdoa untuk ketua-ketua negara Islam dengan kebaikan dan pertolongan menuju kebenaran serta menegakkan keadilan.

Wawasan Negara

Menurut Kamus Dewan, wawasan diertikan sebagai pandangan jauh (terutamanya yang berkaitan dengan perkembangan masa depan) bagi mencapai matlamat penting sesebuah organisasi atau negara. Ia disebut juga sebagai visi. Apabila perkataan wawasan dinisbahkan atau disandarkan kepada negara (wawasan negara), maka ia akan memberi pengertian khusus yang boleh membawa maksud kepada sesuatu pemikiran atau pandangan yang diputuskan dan menjadi matlamat dalam pemerintahan.

Wawasan negara itu perlu disambut dan didokong oleh segenap lapisan masyarakat sesebuah negara. Tanpa adanya kefahaman dan penghayatan yang betul mengenai wawasan berkenaan, sokongan masyarakat sukar diperolehi. Ketiadaan sokongan tersebut adalah faktor yang boleh menyebabkan wawasan berkenaan terbengkalai. Jika pun ia terlaksana namun hasilnya hanyalah dalam keadaan yang kurang sempurna.

Wawasan itu datangnye dari pihak pemerintah, maka dari sudut pandangan hukum syara' wawasan tersebut adalah perintah yang wajib dilaksanakan. Ketaatan kepada pemerintah itu adalah dituntut sebagaimana firman Allah *Subhanahu wa Ta'ala*:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا أَطِيعُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ وَأُولِي الْأَمْرِ
مِنْكُمْ - سورة النساء: ٥٩

Tafsirnya: *Wahai orang-orang yang beriman taatlah kamu kepada Allah dan taatlah kamu kepada Rasulullah dan kepada "ulil-Amri" (orang-orang yang berkuasa) dari kalangan kamu.*
(Surah an-Nisa': 59)

Apa yang pasti wawasan itu adalah menjadi tanggungjawab kepada semua orang untuk melaksanakannya mengikut tahap dan kedudukan masing-masing. Ini bermakna wawasan itu adalah suatu amanah yang wajib dilaksanakan dengan sungguh-sungguh dan tidak boleh sekali-kali dicuaikan. Apatah lagi untuk tidak mengindahkannya. Firman Allah *Subhanahu wa Ta'ala*:

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُكُمْ أَنْ تُؤَدُّوا الْأَمَانَاتِ إِلَىٰ أَهْلِهَا - سورة النساء: ٥٨

Tafsirnya: *Sesungguhnya Allah menyuruh kamu supaya menyerahkan segala jenis amanah kepada ahlinya (yang berhak menerimanya).*

(Surah an-Nisa': 58)

Mengupas Wawasan Negara Melalui Khutbah

Wawasan pemerintah adalah faktor penting dalam sesebuah negara. Wawasan yang difahami dengan jelas dan dihayati oleh segenap lapisan rakyat dan penduduk sebuah negara akan memudahkan pemerintah melaksanakan segala rancangan dan kehendaknya. Pada kebiasaannya media utama yang kerap dijadikan sebagai saluran dalam menyampaikan wawasan negara itu sama ada media cetak atau media elektronik. Maka bagaimanakah cara wawasan negara itu disampaikan melalui khutbah Jumaat.

Seperti mana yang dijelaskan di atas, khutbah mestilah mengandungi wasiat, nasihat dan peringatan yang membawa orang ramai supaya bertakwa kepada Allah *Subhanahu wa Ta'ala*.

Asy-Syeikh Muhammad asy-Syarbini al-Khatib menyebutkan bahawa maksud khutbah itu ialah *al-wa'zhu wat tahzir* (nasihat dan peringatan). Manakala al-'Allamah as-Sayyed Muhammad Abdullah al-Jardani mengatakan bahawa matlamat utama yang ingin dicapai dari khutbah itu ialah wasiat supaya bertakwa kepada Allah. Maksud takwa itu ialah mematuhi segala suruhan Allah dan menjauhi segala laranganNya zahir dan batin dengan perasaan mengagungkan Allah Ta'ala.

Banyak ayat-ayat al-Qur'an yang menjurus kepada nasihat (*al-wa'zhu*) sebagaimana yang dibahaskan di atas, termasuklah yang dikategorikan sebagai *basyir wa nadzir* atau *wa'ad dan wa'ied*. Antaranya firman Allah:

وَأَبْتَغِ فِي مَا آتَاكَ اللَّهُ الدَّارَ الْآخِرَةَ وَلَا تَنْسَ نَصِيبَكَ مِنَ
الدُّنْيَا وَأَحْسِنْ كَمَا أَحْسَنَ اللَّهُ إِلَيْكَ وَلَا تَبْغِ الْفُسَادَ فِي
الْأَرْضِ إِنَّ اللَّهَ لَا يُحِبُّ الْمُفْسِدِينَ ﴿٧٧﴾ - سورة القصص : ٧٧

Tafsirnya: Dan tuntutilah dengan harta kekayaan yang telah dikurniakan Allah kepadamu akan pahala dan kebahagiaan hari akhirat dan janganlah engkau melupakan bahagianmu (keperluan dan bekalammu) dari dunia; dan berbuat baiklah (kepada hamba-hamba Allah) sebagaimana Allah berbuat baik kepadamu (dengan pemberian ni'matNya yang melimpah-limpah); dan janganlah engkau melakukan kerosakan di muka bumi; sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang yang berbuat kerosakan.

(Surah al-Qashash: 77)

Ayat ini menjelaskan bahawa kita selaku hamba Allah yang hidup di dunia ini diperingatkan dan dinasihatkan supaya sentiasa berusaha – dengan harta kekayaan yang telah dilimpahkan Allah *Subhanahu wa Ta'ala* kepada kita – mengerjakan amal kebajikan yang mendatangkan pahala dan membawa keselamatan dan kebahagiaan pada hari akhirat kelak.

Dalam masa yang sama kita diingatkan supaya jangan melupakan bahagian kita di dunia ini untuk merasai kesenangannya yang halal sebelum dapat menikmati kesenangan yang kekal di akhirat. Di samping itu kita perlu membantu orang-orang yang memerlukan bantuan dengan perantaraan harta kekayaan dan pangkat serta pengaruh yang dikurniakan Allah kepada kita. Begitulah seterusnya kita diingatkan supaya tidak melakukan sesuatu yang merosakkan masyarakat kerana perbuatan demikian adalah dimurkai Allah *Subhanahu wa Ta'ala*.

Empat perkara yang disebutkan di atas merupakan unsur penting dalam kehidupan seorang muslim kerana ia berkait langsung dengan langkah-langkah pada meningkatkan ketakwaan.

Selain itu, dapat juga kita fahami bahawa nasihat (*al-wa'zhu*) yang dimaksudkan dalam khutbah itu mempunyai unsur yang berkait langsung dengan apa yang disebut sebagai *al-amru bil ma'ruf wan nahyu 'anil munkar* iaitu menyeru kepada kebaikan dan melarang dari kemungkaran. Kedua-dua perkara ini berperanan penting dalam pembentukan umat yang bertakwa.

Dari maksud *al-wa'zhu* di atas, maka cara yang wajar menyampaikan sokongan dan dokongan terhadap wawasan negara melalui khutbah itu mestilah mengikut kehendak-kehendak dan syarat-syarat yang ditetapkan dalam khutbah iaitu *al-wa'zhu* dan wasiat yang menuju takwa.

Ini bererti penjelasan wawasan dalam khutbah itu tidak disampaikan semata-mata dalam bentuk penghabaran atau pernyataan (*statement*) sahaja. Wawasan negara itu dibentangkan dengan cara mengemukakan dalil-dalil dan hujjah-hujjah syara' yang betul-betul mendokong wawasan berkenaan.

Menurut kata al-Bajuri dan di'*timadkan* oleh Imam ar-Ramli, wasiat atau nasihat yang dimaksudkan dalam khutbah itu mestilah mengandungi kedua-dua unsur iaitu mengajak kepada berbuat taat kepada Allah dan melarang dari melakukan kemungkaran. Nasihat dalam khutbah itu tidak memadai jika hanya dengan melarang menjauhi maksiat.

Pengarang kitab *Fathul Mu'in* pula mengatakan bahawa nasihat atau wasiat dalam khutbah itu tidak memadai jika hanya mengandungi cerita-cerita biasa umpamanya cerita tentang kesusahan menghadapi kematian kerana cerita sedemikian adalah cerita yang sama-sama dimaklumi oleh orang kafir.

Maka wawasan negara yang disampaikan melalui khutbah Jumaat itu mestilah dalam bentuk nasihat yang merangsang para jemaah untuk segera melakukan kebajikan dan segera meninggalkan perkara-perkara mungkar.

Penyampaian Khutbah

Penyampaian khutbah merupakan antara aspek yang boleh mempengaruhi keberkesanan penerimaan pendengar khutbah. Sebab itu para khatib mestilah mempunyai suara yang jelas lagi fasih. Baik pada

menyebut makhraj-makhraj huruf maupun menyebut ungkapan-ungkapan, ayat-ayat al-Qur'an dan hadis-hadis yang disampaikan.

Perkara utama yang perlu diambil perhatian dalam menyampaikan khutbah itu ialah imam (khatib) mestilah menyedari bahawa dirinya ketika itu adalah seorang penasihat yang sedang menasihati dan memberi peringatan kepada para jemaah. Para khatib bukan hanya dituntut lancar membaca khutbah, bahkan lebih jauh dari itu, dia perlu menghayati kandungan khutbah yang akan disampaikannya dengan sepenuh hati. Tujuannya ialah para khatib dapat menjiwai nasihat yang akan disampaikannya.

Dengan penghayatan sedemikian, para khatib dapat menyampaikan khutbah dengan penyampaian yang penuh semangat. Disamping itu, para khatib juga akan dapat menyampaikan khutbah dengan nada-nada suara yang sesuai sebagai nasihat dan peringatan. Tidaklah ia disampaikan hanya dengan membaca semata-mata.

Mari kita renungi kandungan sebuah hadis yang menceritakan bagaimana keadaan baginda Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam* berkhotbah.

كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِذَا خَطَبَ احْمَرَّتْ عَيْنَاهُ وَعَلَّا
صَوْتَهُ وَأَشَدَّ غَضَبَهُ حَتَّى كَأَنَّهُ مُنْذِرُ جَيْشٍ - رواه مسلم

Maksudnya: *Bahawa Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam apabila baginda berkhotbah, merah kedua mata baginda, tinggi suaranya, dan bersangatan marahnya sehingga seolah-olah baginda mengarah bala tentera.*

(Hadis Riwayat Muslim)

Dari hadis ini, dapat kita bayangkan bagaimana keadaan baginda Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam* menyampaikan khutbah. Sedangkan dari sejarah hidup baginda Rasulullah *Sallallahu 'alaihi wasallam*, baginda termasyhur dengan sifat lemah lembut tutur katanya dan sentiasa mengukir senyuman. Tetapi semua itu berubah apabila baginda berkhotbah. Perubahan tersebut sangat drastik sehingga dikatakan seolah-olah baginda ketika itu membuat arahan kepada tentera.

Dari cerita yang terkandung dalam hadis di atas, dapatlah kita simpulkan bahawa khatib bukan berperanan seperti pembaca nota atau berita tetapi dia berperanan sebagai pemberi nasihat atau pemberi arahan dengan sangkaan bahawa para jemaah akan berbuat sesuatu berdasarkan nasihat atau arahan yang disampaikan.

Alhamdulillah! Setakat yang saya maklum, di Negara Brunei Darussalam ada waktu yang dikhaskan bagi tujuan men“*tasmi*” khutbah di kalangan imam-imam. Majlis ini diadakan bagi penyemakan bacaan khutbah. Majlis seumpama ini adalah langkah yang sangat baik dan perlu diteruskan dan dimantapkan bagi meningkatkan kualiti penyampaian khutbah.

Keistimewaan Wawasan Negara Disampaikan Melalui Khutbah

Menyampaikan wawasan negara melalui khutbah Jumaat itu ada keistimewaannya. Keistimewaan itu diperolehi secara langsung dari ketetapan hukum yang dituntut ketika khutbah dibacakan. Antaranya ialah:

- i. Khutbah Jumaat itu hanya sah disampaikan dalam bangunan di mana para jemaah berhimpun. Perhimpunan yang diadakan dalam bangunan akan menjadikan suara khatib lebih jelas didengar jika dibandingkan dengan ucapan yang disampaikan di tempat lapang. Suasana tersebut dapat meningkatkan konsentrasi para jemaah pada menghayati isu yang disampaikan.
- ii. Hari Jumaat adalah hari perhimpunan mingguan umat Islam. Pada hari itu orang-orang mukallaf diwajibkan ke masjid sehingga pencarian rezeki seperti berniaga dan sebagainya wajib ditinggalkan sebagaimana firman Allah *Subhanahu wa Ta'ala*:

يَأْتِيهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِذَا نُودِيَ لِلصَّلَاةِ مِنْ يَوْمِ
 الْجُمُعَةِ فَاسْعَوْا إِلَىٰ ذِكْرِ اللَّهِ وَذَرُوا الْبَيْعَ ذَلِكُمْ
 خَيْرٌ لَكُمْ إِنْ كُنْتُمْ تَعْلَمُونَ ﴿٩﴾ - سورة الجمعة: ٩

Tafsirnya: *Wahai orang-orang yang beriman! Apabila diserukan azan (bang) untuk mengerjakan sembahyang pada hari Jumaat, maka segeralah kamu pergi (ke masjid) untuk mengingati Allah (dengan mengerjakan sembahyang Jumaat) dan tinggalkanlah berjual beli (pada saat itu); yang demikian adalah lebih baik bagi kamu, jika kamu mengetahui (hakikat yang sebenarnya).*

(Surah al-Jumu'ah: 9)

Orang ramai akan berduyun-duyun ke masjid pada hari Jumaat tanpa perlu menghibahkan di media-media massa untuk mereka datang ke masjid sebagaimana acara sambutan-sambutan. Perhimpunan pada hari Jumaat itu pula dikehendaki semaksima-maksimanya sebagai tanda kesatuan ummah sehingga para ulama menetapkan bahawa tidak sah melakukan dua Jumaat dalam satu tempat. Tidak cukup dengan itu hadis-hadis juga menyebutkan kelebihan datang awal ke masjid. Antaranya sabda Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam* :

مَنْ اغْتَسَلَ يَوْمَ الْجُمُعَةِ غُسْلَ الْجَنَابَةِ ثُمَّ رَاحَ فَكَأَنَّمَا قَرَّبَ بَدَنَةً
 وَمَنْ رَاحَ فِي السَّاعَةِ الثَّانِيَةِ فَكَأَنَّمَا قَرَّبَ بَقْرَةً وَمَنْ رَاحَ فِي
 السَّاعَةِ الثَّلَاثَةِ فَكَأَنَّمَا قَرَّبَ كَبْشًا أَقْرَنَ وَمَنْ رَاحَ فِي السَّاعَةِ
 الرَّابِعَةِ فَكَأَنَّمَا قَرَّبَ دَجَاجَةً وَمَنْ رَاحَ فِي السَّاعَةِ الْخَامِسَةِ

فَكَأْتَمَا قَرَّبَ بَيْضَةً فَإِذَا خَرَجَ الْإِمَامُ حَضَرَتْ الْمَلَائِكَةُ يَسْمَعُونَ

الذِّكْرَ - رواه مسلم

Maksudnya: *Sesiapa yang mandi pada hari Jumaat seperti mandi janabah, kemudian pergi di awal waktu (ke masjid), maka seolah-olah dia menyembelih korban seekor unta. Sesiapa yang pergi pada waktu kedua, maka seolah-olah dia menyembelih korban se ekor lembu. Sesiapa yang pergi pada waktu ketiga, maka seolah-olah dia menyembelih korban se ekor kambing yang bertanduk. Sesiapa yang pergi pada waktu ke empat, seolah-olah dia menyembelih se ekor ayam. Sesiapa yang pergi pada waktu ke lima seolah-olah dia memberi sedekah se butir telur. Maka apabila imam (khatib) telah keluar, para malaikat pun hadir mendengarkan zikir (khutbah).*

(Hadis Riwayat Muslim)

Perhimpunan berkenaan adalah kesempatan yang sangat penting dan istimewa dimanfaatkan untuk membaywa para jemaah menghayati wawasan negara yang disokong oleh hujjah-hujjah syara'

- iii. Sesuatu isu yang disampaikan dalam mana-mana ucapan, ceramah, syarahan dan seumpamanya akan mudah dihayati sepenuhnya apabila ia disampaikan dalam suasana yang tenang dan tidak ada suara-suara yang mengganggu konsentrasi pendengar. Ketika khutbah disampaikan, para jemaah dituntut mendiamkan diri sehingga diam itu dihukumkan sunat. Begitu pula dihukumkan makruh berkata-kata ketika khatib sedang berkhotbah sekalipun kata-kata itu sekadar menyuruh rakan kita supaya diam. Demikian pendapat yang di'*timadkan* dalam mazhab Syafie. Larangan itu jelas dinyatakan dalam sabda Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam*:

إِذَا قُلْتَ لِصَاحِبِكَ يَوْمَ الْجُمُعَةِ أَنْصِتْ وَالْإِمَامُ يَخْطُبُ فَقَدْ لَغَوْتَ

— رواه البخارى —

Maksudnya: *Sekiranya engkau berkata kepada temanmu pada hari Jumaat sedang Imam sedang berkhotbah maka sia-sialah engkau.*

(Hadis Riwayat al-Bukhari)

Berbagai tafsiran ulama tentang maksud “ لَغَوْتَ ”. Ia diertikan sebagai tidak mendapat pahala. Ada pula yang mengertikannya sebagai suatu kesalahan. Ada juga yang mengertikannya sebagai batal fadhilat Jumaat dan lain-lain tafsiran. Dari tafsiran-tafsiran ini dapatlah disimpulkan bahawa berkata-kata ketika mendengar khutbah itu adalah perbuatan yang merugikan kerana menjejaskan kesempurnaan fadhilat Jumaat.

Dalam menyampaikan khutbah pula, para khatib dituntut supaya memperdengarkan khutbah itu kepada para jemaah yang menanggung terangkatnya kewajipan Jumaat. Hukum memperdengarkan khutbah itu dikaitkan dengan hukum kesahan Jumaat. Ini bererti khutbah itu hendaklah diperdengarkan dan hendaklah didengar. Wadah seumpama ini sukar didapati dalam lain-lain perhimpunan kerana mendengar dan memperdengarkan isu yang disampaikan itu berupa ibadat dan dikawal oleh ketetapan hukum. Itulah kelainan Khutbah Jumaat dibandingkan dengan lain-lain ucapan sekalipun dalam majlis-majlis rasmi. Perkara mendengar dan memperdengarkan ucapan, syarahan atau pidato itu tidak langsung dikaitkan dengan hukum. Maka pengupasan isu wawasan melalui khutbah itu dapat dihayati sepenuhnya oleh masyarakat dengan sebab adanya tuntutan hukum diam mendengar khutbah dan hukum memperdengarkan khutbah.

- iv. Di negara Brunei Darussalam, kita mampu memaksimakan fungsi masjid tanpa ada halangan-halangan. Berbeza dengan sebahagian negara yang perlu meredah berbagai cabaran dan halangan untuk menjalankan fungsi masjid. Maka kesempatan

yang ada ini adalah suatu ni'kmat yang perlu kita gunakan dengan baik dan cermat supaya tidak terlepas begitu sahaja.

Mempromosi Khutbah

Mengikut Kamus Dewan, salah satu erti promosi itu ialah segala usaha dan kegiatan untuk menggalakkan atau mempertingkatkan jualan barang. Mempromosikan pula bererti melakukan promosi untuk sesuatu yang (hendak) dipasarkan.

Dalam bidang perniagaan, para peniaga akan mempromosikan produk-produk atau barangan-barangan melalui media massa seperti iklan surat khabar, radio, televisyen, halaman web dan sebagainya sekalipun perlu berbelanja yang besar. Ternyata dengan adanya promosi itu produk atau barangan mereka mendapat sambutan daripada orang ramai.

Dengan mengambil contoh kepada teori ini, maka kaedah promosi itu boleh digunapakai untuk menarik perhatian orang ramai terhadap isu-isu yang akan disentuh dalam khutbah Jumaat. Langkah sedemikian telahpun lama dilakukan. Sebagai contoh promosi terhadap kandungan cerita sandiwara di radio. Juru hebah sedaya upaya mengolah kata-kata yang boleh merangsang para pendengar untuk mengikutinya. Dalam cerita yang bersiri pula, juruhebah cuba menarik perhatian pendengar dengan mengimbas kembali cerita sebelumnya.

Dalam siaran televisyen sekarang, kita dapat saksikan bagaimana isu yang akan dibincang dalam rancangan "Pengguna" dipromosikan dalam siaran Berita Nasional. Ruangan Fadhilat dipromosikan di radio dan seumpamanya. Keistimewaannya ialah apabila suatu isu itu dipromosikan para pendengar merasa ghairah untuk mengikutinya. Bahkan mereka akan merasa kerugian jika terlepas peluang untuk mengikuti penjelasannya. Maka dalam perkara khutbah yang dipromosikan, tentunya boleh merangsang para jemaah berusaha memastikan dirinya tidak terlewat datang ke masjid.

Untuk melaksanakan usaha seumpama ini memerlukan kerjasama dan komitmen yang tinggi dari semua pihak sesuai dengan firman Allah *Subhanahu wa Ta'ala* :

وَتَعَاوَنُوا عَلَى الْبِرِّ وَالتَّقْوَىٰ وَلَا تَعَاوَنُوا عَلَى الْإِثْمِ
وَالْعُدْوَانِ وَاتَّقُوا اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ شَدِيدُ الْعِقَابِ ﴿٢﴾ - سورة المائدة : ٢

Tafsirnya: *Dan hendaklah kamu bertolong-tolongan untuk membuat kebajikan dan bertaqwa, dan janganlah kamu bertolong-tolongan pada melakukan dosa (maksiat) dan pencerobohan dan bertakwalah kamu kepada Allah, kerana sesungguhnya Allah Maha Berat azab seksaNya (bagi sesiapa yang melanggar perintahNya).*

(Surah al-Maidah: 2)

Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam bersabda:

مَنْ دَلَّ عَلَى خَيْرٍ فَلَهُ مِثْلُ أَجْرِ فَاعِلِهِ - رواه مسلم

Maksudnya: *Sesiapa yang menunjukkan kepada kebajikan maka baginya pahala seperti (pahala) orang yang melakukannya (kebajikan berkenaan).*

(Hadis Riwayat Muslim)

Kerja-kerja mempromosi khutbah ini mestilah dilihat sebagai kerja yang berkebajikan dan suatu ibadat yang pasti mendapat ganjaran pahala daripada Allah *Subhanahu wa Ta'ala* sebagaimana firmanNya:

مَنْ جَاءَ بِالْحَسَنَةِ فَلَهُ عَشْرُ أَمْثَالِهَا وَمَنْ جَاءَ بِالسَّيِّئَةِ
فَلَا يُجْزَىٰ إِلَّا مِثْلَهَا وَهُمْ لَا يُظْلَمُونَ ﴿٢٦٠﴾ - سورة الأنعام : ٢٦٠

Tafsirnya: *Sesiapa yang membawa amal kebaikan (pada hari kiamat), maka baginya (balasan) sepuluh kali ganda (dari kebaikan) yang sama dengannya; dan sesiapa yang membawa amal kejahatan, maka ia tidak dibalas melainkan (kejahatan) yang sama dengannya; sedang mereka tidak dianiaya (sedikitpun).*

(Surah al-An'am: 260)

Dengan adanya kefahaman yang positif dalam usaha mempromosikan khutbah ini, orang yang sepatutnya bertindak akan berasa kerugian jika tidak melakukannya. Jika isu yang dipromosikan itu adalah wawasan negara maka usaha yang dilaksanakan itu bukan saja menyebarkan kebajikan, selaku ia khutbah Jumaat bahkan itulah pengorbanannya dalam menyokong dan mengajak orang ramai memahami dan menghayati wawasan negara.

Penghuraian Isu

Wawasan yang dibentangkan dalam khutbah Jumaat akan menjadi lebih berkesan untuk dihayati dan dipatuhi dengan adanya tindakan-tindakan susulan terhadap isu-isu yang disampaikan. Tindakan-tindakan susulan itu lebih berbentuk usaha pada memantapkan kefahaman orang ramai.

Di waktu ini, langkah yang diusahakan oleh beberapa pihak terhadap sebahagian isu yang disentuh oleh Khutbah Jumaat bolehlah dianggap sebagai langkah awal ke arah penyebaran isu yang disentuh oleh khutbah seperti yang dapat kita ikuti melalui media cetak seperti akhbar tempatan, radio dan televisyen. Kita mengharapkan penyebaran tersebut akan dilengkapi dengan huraian dan ulasan yang menambah kefahaman orang ramai terhadap isu yang disampaikan.

Maka dalam menyebarkan wawasan negara yang disampaikan melalui khutbah, tindakan sedemikian perlu diperhebatkan. Wawasan yang disampaikan melalui khutbah itu tidak memadai disebarkan setakat penyampaian suatu berita atau laporan. Ia perlu disebarkan dalam bentuk ulasan dan penghuraian isu. Huraian isu berkenaan akan memantapkan lagi kefahaman orang ramai terhadap wawasan yang disampaikan. Ulasan dan huraian berkenaan juga perlu disiarkan di halaman yang strategik seperti di muka hadapan akhbar dengan teknik yang menarik. Jika disebarkan melalui televisyen hendaklah disiarkan pada masa yang bersesuaian. Penyebaran isu wawasan itu akan lebih menarik sekiranya huraian-huraian yang disampaikan itu disertai dengan selitan pendapat orang ramai.

Selain itu, aktiviti pengajaran atau halaqah ilmu di masjid-masjid perlu merasa terlibat dalam mengupas isu wawasan yang disampaikan dalam khutbah Jumaat. Perbincangan yang meluas akan menghasilkan kefahaman yang sahih dan mantap di kalangan masyarakat. Faktor ini

akan mendorong masyarakat bersatu padu dan memberikan komitmen yang tinggi pada menuju wawasan negara.

Keberkatan

Dengan adanya penyampaian wawasan negara melalui khutbah Jumaat yang diikuti dengan huraian-huraian dan juga promosi yang berkesan secara langsung menggambarkan adanya kerjasama yang padu dan komitmen yang tinggi yang dimainkan oleh berbagai lapisan masyarakat mengikut bidang masing-masing dalam menggarap semangat bermasyarakat dan bernegara. Usaha tersebut juga menunjukkan adanya hubungan yang erat antara umara dan ulama. Perancang wawasan adalah kerja umara dan penyokongnya adalah ulama. Penyampaian wawasan melalui khutbah yang dilaksanakan dengan teratur mampu mewujudkan manusia yang beriman dan bertakwa. Keadaan sedemikian inilah kita harapkan supaya negara kita akan sentiasa dalam redha Allah dan dikurniakan rahmat yang melimpah-limpah. Sebagaimana yang dijanjikan Allah dalam firmanNya:

وَلَوْ أَنَّ أَهْلَ الْقُرَىٰ ءَامَنُوا وَأَتَّقَوْا لَفَتَحْنَا عَلَيْهِم بَرَكَاتٍ

مِّنَ السَّمَاءِ وَالْأَرْضِ - سورة الأعراف : ٩٦

Tafsirnya: *Dan sekiranya penduduk negeri itu beriman serta bertakwa, tentulah kami akan membuka kepada mereka (pintu pengurniaan) yang melimpah-limpah berkatnya, dari langit dan bumi.*

(Surah al-A'raf: 96)

Dengan keberkatan yang dikurniakan Allah *Subhanahu wa Ta'ala* itu maka akan tercapailah apa yang disebut dalam firman Allah *Subhanahu wa Ta'ala* :

بَلَدَةٌ طَيِّبَةٌ وَرَبٌّ غَفُورٌ - سورة سبأ : ١٥

Tafsirnya: *Negeri yang baik (aman dan makmur) dan Tuhan Yang Maha Pengampun.*

(Surah Saba': 15)

Untuk memastikan keberkatan itu tetap subur dan terus dinikmati khutbah bukan saja berperanan menyokong wawasan bahkan khutbah juga berperanan memperbetulkan wawasan.

Kesimpulan

Dari perbincangan di atas dapatlah kita simpulkan beberapa perkara yang penting untuk diambil perhatian, iaitu:

1. Dalam usaha memartabatkan masjid berupaya menarik tumpuan seluruh masyarakat, selain daripada melengkapkan masjid dengan segala aspek pengurusan, kemudahan ifrastruktur, lanskap dan sebagainya, peranan khutbah Jumaat juga perlu dikomprehensifkan.
2. Khutbah Jumaat boleh menjadi wadah penyampai wawasan negara.
3. Pembuat khutbah dan khatib memerlukan kemahiran yang tinggi dalam banyak aspek terutama memantau dan menghayati isu yang akan disampaikan.
4. Komitmen yang tinggi dari berbagai pihak dalam mempromosi, menyebarkan dan menghuraikan isu khutbah Jumaat akan meningkatkan keberkesanan dalam memahami dan menghayati isu yang disampaikan.

والله أعلم

Disediakan oleh:

Haji Japar bin Haji Maidin

Jabatan Mufti Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri

Negara Brunei Darussalam.

26 Jamadilawal 1425.

14 Julai 2004.

Rujukan

1. *Al-Qur'an al-Karim*.
2. *Al-Fiqh Al-Manhaji 'Ala Mazhab Al-Imam Asy-Syafie*, Dr. Mustafa al-Khan, Dr. Mustafa al-Bugha, Ali Asy-Syarbaji, Damsyik, 1992.
3. *Al-Iqna' Fi Hilli Alfaz Abi Syuja'*, Asy-Syeikh Muhammad Asy-Syarbini al-Khatib, Al-Haramain, Singapura, Tanpa Tarikh.
4. *Al-Mausu'ah Al-Fiqhiyyah*, Wizarah al-Awqaf wa asy-Syu'un al-Islamiyyah, Kuwait, 1990.
5. *Fath Al-'Allam Bi Syarh Mursyid Al-Anaam*, Muhammad Abdullah al-Jardani, Mesir, 1990
6. *Fath Al-Bari Syarh Sahih Al-Bukhari*, Ibn Hajr Al-'Asqalani, Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, Beirut, 1989.
7. *Fath Al-Mu'in*, Zainuddin al-Malibari, Makkah al-Mukarramah. Tanpa tarikh.
8. *Fatwa Mufti Kerajaan*, Jabatan Mufti Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.
9. *Hasyiyyah I'anat at-Talibin* – As-Syed al-Bakriy ad-Dumyathi al-Masriy, Maktabah Faishal, Makkah al-Mukarramah. Tanpa tarikh.
10. *Kamus Dewan, Edisi Ketiga*, Dewan Bahasa dan Putaka, Kuala Lumpur, Malaysia, 1996.
11. *Kifayat Al-Akhyar Fi Hilli Ghayat Al-Ikhtishar*, Taqiyuddin Abu Bakr bin Muhammad al-Husaini al-Hushni asy-Syafie, Dar al-Khair, Beirut, 1991.
12. *Kifayat al-Muhtadi*, Muhammad Noor bin Muhammad bin Ismail al-Fattani, Matba'ah Muhammad al-Huda, Malaysia, Tanpa tarikh.
13. *Matn al-Ghayat wa at-Taqrrib*, Ahmad bin al-Masin bin Ahmad al-Asfahani, Dar Ibn Hazm, 1993.

14. *Mughni al-Muhataj ila ma'rifati Ma'ani Alfaz Al-Minhaj*, Asy-Syeikh Muhammad Asy-Syarbini al-Khatib, Maktabah Mustafa al-Halabi, Mesir, 1958.
15. *Nihayat al-Muhtaj Ila al-Minhaj*, Syihabuddin al-Ramli, Dar ihya' at-Turats, al-Arabi, Beirut. 1992.
16. *Sabil al-Muhtadin Littafaqquh Fi Amr Ad-Dien*, Muhammad Arsyad bin Abdullah Al-Banjari, Isa Al-Halabi, Tanpa tarikh.
17. *Sahih al-Bukhari*, Istanbul, 1992.
18. *Sahih Muslim Syarh An-Nawawi*. Mat'baah al-Masriyyah wa Maktabatiha, Mesir. Tanpa tarikh
19. *Sunan Ad-Darimiy*, Abu Muhammad Abdullah bin Abdul Rahman ad-Darimiy, Dar ihya' an-Nabawiyyah, Tanpa tarikh.
20. *Tafsir Pimpinan Ar-Rahman Kepada Pengertian Al-Qur'an*, Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri, Malaysia, 1995.